



## UPM Anjur Hari Alumni



Tan Sri Dato' Dr Nayan Ariffin menyentuh skrin plak bagi melancarkan Sambutan Hari Alumni UPM sambil diperhatikan oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (pertama dari kiri), Prof. Dr. Azali Mohamed, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Zakaria Sidek untuk meraikan pernubuhan UPM 78 tahun baru-baru ini.

**SERDANG, 21 Mei** – Pusat Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Hari Alumni UPM di Dewan Banket UPM untuk memperingati pernubuhan UPM yang bermula dengan Sekolah Pertanian pada tahun 1931.

Pengarah Pusat Alumni UPM, Prof. Madya Dr. Rohani Ibrahim berkata seramai 800 alumni telah hadir bagi menunjukkan komitmen untuk melestarikan hubungan baik dengan UPM.

"Saya berharap program alumni ini dapat mengembalikan sejarah dan kenangan menimba ilmu di UPM selain mengeratkan silaturrahim alumni," katanya.

Beliau berkata Hari Alumni UPM telah dirasmikan oleh Pro Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin dan pada hari yang sama juga telah diadakan forum 'Serdang Heritage : Meniti Pembangunan UPM'.

Ahli panel forum terlibat ialah Penasihat Trade Wings Plantation Berhad (Alumni kelas 1955), Dato' Dr. Mohd Noor Ismail; Presiden Persatuan Alumni UPM (Alumni kelas 1976), Anas Ahmed Nasarudin dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 2008/2009, Mohd Syamsul Salleh.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata sambutan pada tarikh 21 Mei tersebut merupakan tarikh pernubuhan universiti dengan bermulanya Sekolah Pertanian 1931 kemudiannya diisyaratkan menjadi Kolej Pertanian Malaysia 1947, Universiti Pertanian Malaysia 1971 dan Universiti Putra Malaysia 1997 yang kini genap 78 tahun pernubuhannya.

"Alumni UPM merupakan aset penting yang menyumbang kepada kecermerlangan UPM dan berupaya membantu universiti untuk melonjak ke tahap yang lebih membanggakan.

"Graduan yang dilahirkan oleh universiti mempunyai tanggungjawab dan amanah intelektual yang perlu ditularkan kepada alma mater, masyarakat serta negara," katanya pada Sambutan Hari Alumni UPM di sini hari ini.

Beliau berkata hubungan strategik alumni perlu diperkuatkan seperti memperkasa pangkalan data alumni.

Katanya UPM telah mengemas kini lebih 60,000 data daripada keseluruhan alumni yang melebihi 130,000 orang supaya boleh menjalankan aktiviti melibatkan alumni dan mengukuhkan hubungan UPM dengan alumni.

Datuk Dr. Nik Mustapha berkata UPM dicabar untuk terus kekal melahirkan alumni yang serba boleh, mempunyai komitmen dan berdaya saing dalam semua aspek bagi mengekalkan kegemilangan UPM sekaligus guna membangkitkan semangat dan tradisi alumni iaitu Tradisi Menyumbang Budaya Ikatan.



Tan Sri Dato' Dr Nayan Ariffin (empat dari kanan) melihat Buku Program Sambutan Hari Alumni UPM bersempena ulangtahun universiti kali ke 78 bersama-sama alumni yang lain.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.